

## FlexiSecure-i Link

(This is a Takaful product)

# Fulfilling your protection and investment needs



Protection by PIDM on benefits payable from the unit portion of this certificate is subject to limitations. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact AmMetLife Takaful Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

A PIDM member

Managed by:

**AmMetLife** Takaful

**AmBank Islamic**

# A takaful plan to serve your needs throughout the vital stages of life

Your needs constantly change as you progress in life. The need for savings, protection, funding your children's education, wealth creation as well as retirement are important phases that require adequate financial planning to ensure these goals are met.

Introducing FlexiSecure-i Link – a Shariah compliant regular contribution investment-linked takaful plan which provides you with the flexibility to achieve the perfect balance between protection and investment throughout each stage of your life. Enjoy the benefits of both worlds at an affordable contribution, with just one unique comprehensive plan.

At AmMetLife Takaful, we firmly believe that every individual deserves only the best we may offer.



## How It Benefits You

### Death or Total Permanent Disability (TPD) Benefit

The basic sum covered from the Participants' Risk Fund ("PRF") PLUS the total account value available in the Participants Investment Fund ("PIF") will be payable in the event of death or TPD, to reduce financial burden of your loved one. TPD coverage is provided up to age of 65, and the maximum benefit payable is RM2 million.

### Maturity Benefit

When your plan reaches maturity, you will receive the total account values in the PIF.

### Choice of Riders

There are a wide range of optional benefits to further enhance your coverage on medical, critical illness, accidental and disability.

### Partial Withdrawal

Should the need arise, partial withdrawals may be made from the PIF. The minimum withdrawal amount is RM1,000 and the minimum account value after partial withdrawal in the PIF is RM2,000.

### Flexible Option

You can choose the amount of takaful coverage based on your needs, eg. lower takaful protection to allocate a greater portion of your contributions into investment, or vice versa.

### Top-Ups

Top-ups can be made at any time to maximize your investment value at a minimum value of RM50.

### Switching Fund

You can choose how your money is invested by switch between our 4 funds whenever you want, at no cost.

# Frequently Asked Questions

## What are the applicable Shariah concepts?

### a. Wakalah

This plan applies wakalah concept, where all certificate holders appoint AmMetLife Takaful to act on behalf of them to invest and manage the PIF and PRF. AmMetLife Takaful is entitled to a wakalah fee for managing and investing the funds.

### b. Tabarru'

This plan applies tabarru' concept, where all certificate holders agree to donate a specified portion from the PIF into the PRF for the purpose of mutual aid and assistance to all certificate holders in times of misfortune.

### c. Qard

An interest-free loan from AmMetLife Takaful in the event that the PRF is in deficit. The loan will be paid (in equivalent counter value) from the future surplus arising from the PRF.

## Who is eligible to participate in FlexiSecure-i Link?

	Minimum Entry Age	Maximum Entry Age
Participant	30 days old	60 years old
Certificate Holder	18 years old	No Limit

## How long will I be covered?

You may choose to have coverage either up to 80 or 99 years old.

## How do I make my contribution?

You may arrange to make your contribution via auto debit, cash or credit card.

## How is my contribution being allocated?

The contribution after deduction of Wakalah Fee is used to purchase units in the investment-linked fund that you have chosen. Any unallocated amount (Wakalah Fee) will be used to pay commissions to agents/financial advisers and other expenses of AmMetLife Takaful.

The Allocated Contributions will be used to create the following funds:

## Participant Investment Fund ("PIF")

PIF is your saving fund and it is managed by us in accordance with the principles of Shariah. It is made up of your allocated portion of the contributions, investment profit and any related Surplus distribution from the PRF. Upon maturity, you will receive the whole amount in your PIF.

## Participants Risk Fund ("PRF")

PRF is made up of the tabarru' which is a portion of your contributions, to assist you and the fellow participants in need, through the benefits they are entitled to. We will pay your benefits from this fund.

## How many Investment-Linked funds are available for this plan?

There are 5 Investment-Linked funds available. A proportion of your contribution will be allocated to create units within the funds as below:

### • AmMetLife Takaful Sukuk Fund

The fund's investment objective is to allow low-risk takers to enjoy higher than average income earned from Islamic fixed deposits, over the medium to long term investment horizon, via investment in a diversified portfolio of Islamic fixed income securities (Sukuk), largely in Government Investment Issues and Shariah-compliant corporate bonds and money market instruments.

### • AmMetLife Takaful Equity Fund

The fund aims to achieve superior capital appreciation over the medium to long-term period by investing in a diversified portfolio consisting of Shariah-compliant Malaysian equities listed on Bursa Malaysia.

### • AmMetLife Takaful Balanced Fund

This fund's objective is to achieve moderate capital growth over the medium to long-term period by investing in a balanced portfolio of Shariah-compliant Malaysian equities, fixed income securities (Sukuk) and collective investment schemes.

### • AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund

This fund aims to provide you with an opportunity to gain potentially higher return than Shariah-compliant fixed deposits, over a medium to long term investment horizon, through investing in Shariah-compliant collective investment schemes.

### • AmMetLife Takaful Asia Pacific Dynamic Equity Fund

This fund aims to gain long-term capital appreciation and income for a high risk profile participant. It is a Shariah-compliant global equity fund which invests primarily in the emerging and developed markets of Asia Pacific excluding Japan region.

# Frequently Asked Questions

## What are the fees and charges that I have to pay?

### a. Wakalah Fee

A wakalah fee is charged to contributions before the remaining amount is allocated into the PIF. This amount is used to pay our expenses and direct distribution cost, including the commission payable to agent.

Certificate Year	Wakalah Fee (% of Contribution)
1-3	40%
4-6	20%
7-10	5%
11 & Above	0%

Wakalah Fee for top-up contribution is 5%.

### b. Tabarru'

Tabarru' deduction is based on your age, gender, health and occupation. The tabarru' will be deducted monthly by cancelling the appropriate number of units of investment in the PIF and it increases as you get older.

### c. Monthly Service Fee

A monthly service fee of RM5 will be deducted from the units in the PIF.

### d. Fund Management Fee

The fee is based on the proportion of equities and fixed income of the unit funds, subject to the following range:

Minimum charge: 1.0% of net asset value per annum.

Maximum charge: 1.5% of net asset value per annum.

### e. Surrender Fee

A surrender fee that will be charged upon surrender of the certificate is RM100 or 10% of prevailing unit of the PIF, whichever is lower.

## What if the participant dies/TPD before attaining the age of four?

In the event of the participant's death/TPD prior to attaining the age of four years, the sum covered shall be payable as follows:

Age next birthday	Percentage of Sum Covered payable
1	25%
2	50%
3	75%
4 & Above	100%

## Am I entitled to investment profit arising from PIF?

Any investment profit arising from your PIF will be retained in your PIF.

## Am I entitled to net surplus arising from PRF?

You are entitled to receive 50% of the net surplus (if any) from the PRF by crediting additional units into the PIF. And the balance of 50% is distributed to AmMetLife Takaful as a fee for managing the PRF.

## How can I track the performance of my funds?

You can track the unit prices that are published daily in our website and monthly in major newspapers.

## What would happen if my unit fund value becomes zero or negative?

Once a certificate has a unit balance going to zero for all funds, a grace period of 30 days is given to you to pay the contribution or top up your certificate. In the event that the grace period ends, your certificate will lapse.

# Exclusions

## What are the major exclusions under this plan?

### Death Benefit

This plan does not cover death benefit due to:

- a. suicide, whether sane or insane, within 1 year from the commencement date or reinstatement date, whichever is later; or
- b. while under the influence of alcohol, narcotics or drugs other than those prescribed by a legally qualified medical practitioner; or
- c. pre-existing condition.

In such event, total account value in the PIF is payable.

### TPD Benefit

This plan does not cover TPD benefit due to:

- a. attempting suicide or self-inflicted bodily injuries while sane or insane; or
- b. while under the influence of alcohol, narcotics or misuse of drugs other than those validly prescribed by a legally qualified medical practitioner; or
- c. pre-existing condition; or
- d. the disability was commenced or existed prior to the commencement date.

# Important Notes

- To participate in an investment-linked family takaful plan is a long-term commitment. Early termination of the plan involves high cost and the withdrawal value is dependent on prevailing market values of the underlying assets of the unit fund. Therefore, the withdrawal value may be less than the total contributions paid.
- The plan value may rise or fall as the fund performances is not fixed. The investment risk will be solely borne by you and the account value of PIF may be lesser than the total contributions contributed to the fund.
- The Tabarru' and other charges for the plans are not guaranteed and AmMetLife Takaful reserve the right to revise the Tabarru' and the charges by giving you 3 months' prior written notice.
- AmMetLife Takaful may close a fund, cease to allow allocating funds or cease to allow any switching of units by giving 3 months' written notice subject to the approval of relevant regulatory authorities. You may then redeem the units or transfer the units to other available funds.
- If you cease your contribution payment, your certificate will continue to be in force as long as the value of invested units in the PIF is sufficient to be deducted for the tabarru' and other charges; otherwise the certificate will lapse.
- The certificate will not provide benefit amount from the PRF upon termination, surrender or maturity.
- It is advisable to utilise the top-up facility as a means to maximise the investment value of a regular contribution investment-linked family takaful plan.
- You should satisfy yourself that this plan can best serve your needs, and that the contributions payable is affordable.
- You are free to review the certificate within 15 calendar days from the receipt date of the certificate, and cancel it without assigning any reason. Value of PIF units (if any) at the unit price, unallocated contributions, any fees and charges that have been deducted, less medical expenses which may have been incurred, will be refunded.
- The contributions for this plan will entitle you for individual income tax relief subject to the final decisions of the Inland Revenue Board.
- Please refer to the Benefit Illustration for detailed illustration of this plan.
- This brochure is a brief description of the product. Please refer to the takaful certificate for full details on terms and conditions.
- **This is a takaful product that is tied to the performance of underlying assets, and is not a pure investment product such as unit trusts.**

### Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for the full list of exclusions, terms and conditions.

# Pelan takaful yang memenuhi keperluan anda di setiap peringkat penting kehidupan

Keperluan anda sentiasa berubah seiring dengan perkembangan hidup anda. Keperluan untuk simpanan, perlindungan, pembiayaan pendidikan anak-anak anda, penjanaan kekayaan begitu juga dengan persaraan merupakan fasa-fasa penting yang memerlukan perancangan kewangan yang tepat demi memastikan matlamat tersebut tercapai.

Memperkenalkan FlexiSecure-i Link – satu pelan takaful berkaitan pelaburan patuh syariah dengan sumbangan berkala yang memberi fleksibiliti kepada anda bagi mencapai keseimbangan di antara perlindungan dan pelaburan dalam setiap tahap kehidupan anda. Nikmati kedua-dua kelebihan ini pada sumbangan yang mampu milik, hanya dengan satu pelan komprehensif yang unik.

Di AmMetLife Takaful, kami percaya bahawa setiap individu berhak mendapat hanya yang terbaik daripada apa yang kami tawarkan.

## Manfaat Untuk Anda

### Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Jumlah perlindungan asas daripada Dana Risiko Peserta-peseta ("DRP") DAN jumlah nilai akaun di dalam Dana Pelaburan Peserta-peseta ("DPP") akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau HUMK, untuk mengurangkan beban kewangan insan-insan yang anda sayangi. Perlindungan HUMK hanya disediakan sehingga umur 65 tahun, dan jumlah maksimum yang akan dibayar ialah RM2 juta.

### Manfaat Matang

Apabila sijil matang, anda akan menerima jumlah nilai akaun di dalam DPP.

### Pilihan Rider

Terdapat pelbagai pilihan manfaat tambahan untuk meningkatkan perlindungan perubatan, penyakit kritikal, kemalangan dan hilang upaya.

### Pengeluaran Sebahagian

Sekiranya terdapat keperluan, pengeluaran sebahagian boleh dibuat dari DPP. Pengeluaran minimum ialah RM1,000 dengan syarat baki minimum nilai akaun selepas pengeluaran sebahagian di dalam DPP adalah RM2,000.

### Pilihan Fleksibel

Anda boleh memilih jumlah perlindungan takaful berdasarkan keperluan anda, sebagai contoh: merendahkan perlindungan takaful untuk memperuntukkan sebahagian besar sumbangan anda ke dalam pelaburan, atau sebaliknya.

### Sumbangan Tambahan

Sumbangan tambahan boleh dibuat pada bila-bila masa untuk meningkatkan nilai pelaburan anda dengan nilai minimum RM50.

### Menukar Dana

Anda boleh memilih bagaimana wang anda dilaburkan dengan menukar diantara 4 dana kami pada bila-bila masa, tanpa sebarang caj.



# Soalan-Soalan Lazim

## Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

### a. Wakalah

Pelan ini menggunakan pakai konsep wakalah di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan mengurus DPP dan DRP. AmMetLife Takaful berhak mendapat fi wakalah untuk mengurus dan melabur dana-dana.

### b. Tabarru'

Pelan ini menggunakan pakai konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada DPP yang ditentukan ke dalam DRP untuk tujuan saling bantu-membantu antara semua pemegang sijil semasa ditimpa musibah.

### c. Qard

Pinjaman tanpa faedah dari AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman akan dibayar semula (dengan nilai yang setara) apabila terhasil lebihan daripada DRP pada masa hadapan.

## Siapakah yang layak untuk menyertai FlexiSecure-i Link?

	Umur Kemasukan Minimum	Umur Kemasukan Maksimum
Peserta	30 hari	60 tahun
Pemegang Sijil	18 tahun	Tiada Had

Umur ditakrifkan sebagai umur pada hari lahir akan datang.

## Berapa lama saya akan dilindungi?

Anda boleh memilih untuk dilindungi sama ada sehingga berumur 80 atau 99 tahun.

## Bagaimanakah saya boleh membuat sumbangan?

Anda boleh membuat sumbangan melalui debit secara automatik, tunai atau kad kredit.

## Bagaimana sumbangan saya diperuntukkan?

Sumbangan selepas ditolak fi Wakalah digunakan untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang telah anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan (fi Wakalah) akan digunakan untuk membayar komisen kepada agen / penasihat kewangan dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful.

Sumbangan yang diperuntukkan akan digunakan untuk membentuk dana-dana berikut:

### Dana Pelaburan Peserta ("DPP")

DPP adalah dana simpanan anda dan ia diuruskan oleh kami menurut prinsip-prinsip Syariah. Ia terdiri daripada bahagian sumbangan anda

yang diperuntukkan, keuntungan pelaburan dan sebarang pengagihan lebihan yang berkaitan daripada DRP. Apabila sijil matang, anda akan menerima seluruh amaun dalam DPP anda.

### Dana Risiko Peserta ("DRP")

DRP terdiri daripada tabarru' yang merupakan sebahagian daripada sumbangan anda, untuk membantu anda dan peserta-peserta lain yang memerlukan, melalui manfaat yang mereka berhak miliki. Kami akan membayar manfaat-manfaat anda daripada dana ini.

## Berapakah jenis dana Berkaitan Pelaburan yang terdapat untuk pelan ini?

Terdapat 5 jenis dana Berkaitan Pelaburan. Sebahagian dari sumbangan anda akan diperuntukkan untuk mewujudkan unit-unit di dalam dana-dana berikut:

### • AmMetLife Takaful Sukuk Fund

Objektif pelaburan dana ini adalah untuk memberi peluang kepada pengambil risiko rendah untuk menikmati pendapatan lebih tinggi daripada purata pendapatan diperolehi dari deposit tetap berlandaskan Islam, bagi pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang, melalui pelaburan di dalam pelbagai portfolio sekuriti berpendapatan tetap berlandaskan Islam (Sukuk), di mana kebanyakannya dalam Pelaburan Terbitan Kerajaan dan bon-bon Korporat yang berlandaskan Syariah serta instrumen-instrumen pasaran kewangan.

### • AmMetLife Takaful Equity Fund

Dana ini bertujuan untuk mencapai penilaian modal yang tinggi bagi pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur di dalam pelbagai portfolio yang terdiri dari ekuiti-ekuiti Malaysia yang berdasarkan Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia.

### • AmMetLife Takaful Balanced Fund

Objektif dana ini adalah untuk mencapai pertumbuhan modal sederhana ke atas jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur di dalam portfolio seimbang dalam ekuiti-ekuiti Malaysia yang berdasarkan Syariah, sekuriti pendapatan tetap (Sukuk) dan skim-skim pelaburan berkelompok.

### • AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund

Dana ini bertujuan untuk memberi anda peluang untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi daripada deposit tetap patuh Syariah, dalam satu tempoh jangka masa sederhana ke jangka masa panjang horizon pelaburan, melalui pelaburan di dalam skim-skim pelaburan kolektif yang patuh Syariah.

### • AmMetLife Takaful Asia Pacific Dynamic Equity Fund

Dana ini bertujuan untuk menjana peningkatan modal dan keuntungan pendapatan untuk jangka masa panjang kepada peserta yang berprofil risiko tinggi. Ia merupakan dana ekuiti yang patuh Syariah dimana ia dilabur terutamanya dalam pasaran baru dan maju di Asia Pasifik tidak termasuk rantau Jepun.

# Soalan-Soalan Lazim

## Apakah fi atau caj yang perlu saya bayar?

### a. Fi Wakalah

Fi wakalah dikenakan keatas sumbangan sebelum bakinya diperuntukkan ke dalam DPP. Amaun ini digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengagihan secara langsung kami, termasuk komisen yang dibayar kepada ejen.

Tahun Sijil	Fi Wakalah (% daripada Sumbangan)
1-3	40%
4-6	20%
7-10	5%
11 & ke atas	0%

Fi Wakalah untuk sumbangan tambahan adalah 5%

### b. Tabarru'

Tabarru' ditolak berdasarkan umur, jantina, kesihatan dan pekerjaan anda. Tabarru' akan ditolak secara bulanan dengan membatakan jumlah unit pelaburan yang bersesuaian di dalam DPP dan ia meningkat seiring dengan peningkatan usia.

### c. Fi Perkhidmatan Bulanan

Fi perkhidmatan bulanan RM5 akan ditolak dari unit-unit di dalam DPP.

### d. Fi Pengurusan Dana

Fi ini berdasarkan pembahagian ekuiti-ekuiti dan pendapatan tetap unit dan tertakluk kepada had yang berikut:

Caj minimum: 1.0% daripada nilai aset bersih setahun.

Caj maksimum: 1.5% daripada nilai aset bersih setahun.

### e. Fi Serahan

Fi serahan yang akan dicaj semasa serahan sijil adalah RM 100 atau 10% daripada nilai semasa unit dari DPP, yang mana lebih rendah.

## Bagaimana jika peserta meninggal dunia/mengalami HUMK sebelum mencapai umur empat tahun?

Sekiranya berlaku kematian ke atas peserta/HUMK sebelum mencapai umur empat tahun, jumlah perlindungan yang akan dibayar adalah seperti berikut:

Umur Hari Lahir akan Datang	Peratusan Jumlah Perlindungan Dibayar
1	25%
2	50%
3	75%
4 & ke atas	100%

## Adakah saya berhak ke atas keuntungan pelaburan diperoleh daripada DPP?

Sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada DPP anda akan dikekalkan di dalam DPP anda.

## Adakah saya berhak ke atas lebihan daripada DRP?

Anda berhak untuk menerima 50% daripada lebihan bersih (jika ada) dari DRP dengan mengkreditkan unit tambahan ke dalam DPP. Dan baki 50% akan diagihkan kepada AmMetLife Takaful sebagai fi untuk menguruskan DRP.

## Bagaimana saya boleh mengetahui prestasi dana-dana saya?

Anda boleh mengikuti harga unit yang disiarkan setiap hari di laman web kami dan di akhbar-akhbar utama secara bulanan.

## Apakah yang akan terjadi jika nilai unit dana saya menjadi sifar atau negatif?

Setelah sijil mempunyai baki unit sifar untuk semua dana, anda mempunyai tempoh tiga 30 hari untuk membayar sumbangan atau membuat sumbangan tambahan bagi sijil anda. Apabila tamat tempoh tersebut, sijil anda akan luput.

# Pengecualian

## Apakah pengecualian utama di dalam pelan ini?

### Manfaat Kematian

Pelan ini tidak melindungi manfaat kematian disebabkan oleh:

- a. bunuh diri, samada dalam keadaan waras atau tidak waras, dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh kuatkuasa sijil atau tarikh pengembalian semula, yang mana lebih kemudian.
- b. semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- c. keadaan sedia-ada.

Sekiranya berlaku, jumlah nilai akaun di dalam DPP akan dibayar.

### Manfaat HUMK

Pelan ini tidak melindungi manfaat HUMK disebabkan oleh:

- a. perbuatan mencederakan diri sendiri atau percubaan membunuh diri samada dalam keadaan waras atau tidak waras; atau
- b. semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- c. keadaan sedia-ada; atau
- d. kehilangan upaya yang berlaku sebelum tarikh kuatkuasa.

# Nota Penting

- Penyertaan di dalam pelan takaful berkaitan pelaburan merupakan komitmen jangka masa panjang. Penamatan awal sijil melibatkan kos yang tinggi dan nilai pengeluaran bergantung kepada nilai pasaran semasa aset-aset sandaran dana unit tersebut. Oleh itu, nilai pengeluaran mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- Nilai sijil mungkin naik atau turun kerana prestasi dana adalah tidak tetap. Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan nilai akaun DPP mungkin berkurangan daripada jumlah sumbangan yang telah disumbangkan ke dalam dana.
- Tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan AmMetLife Takaful berhak menyemak semula Tabarru' dan caj tersebut dengan memberi anda 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
- AmMetLife Takaful mungkin menutup dana, berhenti membenarkan peruntukan dana atau berhenti membenarkan pertukaran unit dengan memberikan notis bertulis 3 bulan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan. Anda kemudiannya boleh menebus atau memindah unit ke dana lain yang disediakan.
- Jika anda berhenti membayar sumbangan, sijil anda akan diteruskan selagi nilai pelaburan unit di dalam DPP anda mencukupi untuk penolakan tabarru' dan caj-caj lain; jika tidak sijil akan luput.
- Sijil ini tidak akan membayar amaun manfaat dari DRP apabila berlaku penamatian, serahan atau kematangan.
- Anda disarankan untuk menggunakan kemudahan sumbangan tambahan sebagai satu cara untuk memaksimumkan nilai pelaburan sumbangan berkala pelan berkaitan pelaburan.
- Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Anda bebas mengkaji semula sijil dalam tempoh 15 hari kalender bermula dari tarikh penerimaan sijil, dan membatalkan sijil tanpa mengemukakan sebarang alasan. Nilai unit DPP (jika ada) pada harga unit, sumbangan tidak diperuntukkan, sebarang fi dan caj yang telah dikenakan, setelah ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah digunakan, akan dikembalikan.
- Sumbangan-sumbangan untuk pelan ini akan melayakkan anda untuk pelepasan cukai individu tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk ilustrasi penuh pelan ini.
- Risalah ini mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk butiran lengkap tentang terma-terma dan syarat-syarat.
- **Ini adalah produk takaful yang berkaitan dengan prestasi aset sandaran, dan bukan merupakan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

### Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai penuh pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat.

This page is intentionally left blank /  
*Halaman ini sengaja dikosongkan*

This page is intentionally left blank /  
*Halaman ini sengaja dikosongkan*

Find out more from our Personal Banker today.

*Ketahui lebih lanjut daripada Pegawai Perbankan Peribadi kami hari ini.*

+603 2178 8888 | [ambankislamic.com.my](http://ambankislamic.com.my)

Distributed by / *Diedarkan oleh:*

**AmBank Islamic Berhad** 199401009897 (295576-U)

Managed by / *Diuruskan oleh:*

**AmMetLife Takaful Berhad** 201101002936 (931074-V)

*Members of the AmBank Group / Ahli AmBank Group*

**AmMetLife Takaful Berhad - Head Office / Ibu Pejabat:**

Level 23, Menara 1 Sentrum,  
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,  
50470 Kuala Lumpur